



## **KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

### **KARNIVAL KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN DI SEKTOR PERTANIAN 2017**

Chenor, 13 Ogos – YB Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, Timbalan Menteri Sumber Manusia telah merasmikan Karnival Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Sektor Pertanian 2017 di Kolej Vokasional Pertanian Chenor, Pahang.

Karnival ini merupakan anjuran Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (MNKKP) iaitu sebuah badan tertinggi di bawah Kementerian Sumber Manusia yang bertanggungjawab menentukan halatuju dan dasar Negara berhubung dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Malaysia. MNKKP ditubuhkan pada tahun 1995 mengikut kehendak Seksyen 8, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514).

Objektif utama penganjuran karnival ini adalah bagi menghebahkan maklumat terkini berkaitan isu-isu keselamatan dan kesihatan di sektor pertanian serta mempromosi pembentukan dan pemeliharaan budaya kerja selamat dan sihat di kalangan majikan, pekerja dan orang awam.

Untuk rekod, terdapat pengurangan pelaporan kemalangan di sektor pertanian pada tahun 2016 iaitu sebanyak 2,359 kes berbanding 2,454 kes pada tahun 2015 dan ini memberikan gambaran positif terhadap tahap keselamatan dan kesihatan di sektor pertanian.

Dalam perkembangan lain, pada tahun 2016, Kementerian Sumber Manusia menerusi Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah menjalankan sebanyak lebih kurang 276,312 pemeriksaan ke atas tempat kerja dan jentera. Berdasarkan jumlah tersebut, sebanyak 24,631 notis telah dikeluarkan, 1,176 kesalahan dikeluarkan kompaun dan sebanyak 406 kes didakwa atas kesalahan berkaitan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Bagi kadar kemalangan negara bagi tahun 2016 adalah 2.88 per 1,000 pekerja manakala kadar kemalangan maut ialah 4.84 per 100,000 pekerja.

Sehubungan dengan itu, majikan dan pekerja perlu menerapkan amalan budaya kerja selamat dan sihat di tempat kerja bagi menurunkan kadar kemalangan pekerjaan kerana ianya dapat memberi impak positif kepada negara bahawa bekerja di Malaysia adalah selamat dan sihat. Ini sekaligus dapat meyakinkan pelabur - pelabur dari luar untuk terus membuat pelaburan perniagaan di negara kita.

Majlis turut dihadiri oleh YBhg Dato' Ir. Mohtar bin Musri, Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dan Pengurusan tertinggi Kementerian Sumber Manusia.

**###**

**Dikeluarkan oleh:  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Sumber Manusia  
13 Ogos 2017**